


Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama



# Firman Tuhan kepada Anak-anak-Nya

Tulisan suci memberitahu kita bahawa perkara pertama yang Tuhan lakukan selepas mencipta lelaki dan wanita adalah bercakap dengan mereka.<sup>1</sup> Dia mempunyai maklumat penting dan arahan berharga untuk diberikan kepada mereka. Tujuan-Nya bukan untuk membebaskan atau merisaukan mereka tetapi untuk membimbing mereka ke kebahagiaan dan kemuliaan abadi.

Dan itu hanya permulaannya. Sejak hari itu, Tuhan terus berkomunikasi dengan anak-anak-Nya. Firman-Nya telah dipelihara, dihargai, dan dipelajari oleh para pengikut setiap generasi. Ia dihormati oleh mereka yang mencari untuk mengetahui kehendak Tuhan, dan mereka bersaksi tentang kebenaran bahawa “Tuhan Raja tidak pernah melakukan sesuatu pun tanpa menyatakan rancangan-Nya kepada para nabi, hamba-hamba-Nya.”<sup>2</sup>

Ini telah menjadi pola sejak permulaan masa, dan polanya berterusan hari ini. Ia bukan sekadar cerita Alkitab yang baik; ia adalah cara yang ditetapkan Tuhan untuk menyampaikan pesanan penting kepada anak-anak-Nya. Dia menaikkan individu dari antara kita, memanggil mereka menjadi nabi, dan memberi mereka kata-kata untuk dikatakan, yang kita dijemput untuk “terima, seolah-olah dari mulut [Dia] sendiri.”<sup>3</sup> Dia mengisytiharkan, “Apakah melalui suara-Ku sendiri atau melalui suara para hamba-Ku, itu adalah sama”<sup>4</sup>

Ini adalah salah satu pesanan Pemulihan yang paling indah, menggalakkan, dan memberi harapan—Tuhan tidak berdiam! Dia menyayangi anak-anak-Nya. Dia tidak meninggalkan kita untuk merayau dalam kegelapan.

Dua kali setiap tahun, pada bulan April dan Oktober, kita mempunyai peluang untuk mendengar suara Tuhan melalui hamba-hamba-Nya dalam persidangan umum yang menakjubkan.

Saya memberi anda kesaksian peribadi saya bahawa sebelum seorang pembicara dalam persidangan umum membuat perjalanan panjang ke mimbar, dia telah berusaha, berdoa, dan belajar dengan banyak sebagai tindak balas kepada tugas untuk berucap. Setiap pesanan persidangan mewakili persediaan masa yang tak terhitung jumlahnya dan rayuan ikhlas untuk memahami apa yang Tuhan ingin para Orang Suci-Nya dengar.

Apa yang mungkin berlaku jika kita sebagai pendengar memadamkan persediaan pembicara dengan persediaan kita sendiri? Bagaimanakah pendekatan kita untuk persidangan umum berbeza jika kita melihat persidangan sebagai peluang untuk menerima pesanan daripada Tuhan Sendiri? Melalui kata-kata dan muzik persidangan umum, kita boleh berharap untuk menerima jawapan peribadi untuk apa-apa soalan atau masalah yang mungkin kita hadapi.

Sekiranya anda tertanya-tanya sama ada Bapa Syurgawi benar-benar akan bercakap dengan anda, saya akan mengingatkan anda tentang kata-kata yang mudah tetapi mendalam yang kanak-kanak Sekolah Primer kita nyanyikan: “[Kamu adalah] anak Tuhan, dan dia telah menghantar [kamu] ke sini.” Tujuan-Nya adalah untuk membantu anda kembali “hidup bersama dia suatu hari nanti.”

Sekiranya anda mendekati Bapa Syurgawi sebagai anak-Nya, anda boleh meminta-Nya dengan hati yang

ikhlas, “Pimpin aku, bimbing aku tunjuk jalan-Nya. Ajar [aku segala yang harus aku lakukan].” Dia akan bercakap dengan anda melalui Roh Kudus-Nya, dan kemudian ia terserah kepada anda “untuk melakukan kehendak-Nya.” Saya berjanji bahawa jika anda melakukannya, “berkat akan disediakan.”<sup>5</sup>

Bimbingan Tuhan diperlukan hari ini seperti yang pernah ada dalam sejarah dunia. Semasa kita bersedia untuk mendengar firman Tuhan, semoga kita dengan tekun mencari Roh kebenaran supaya apabila Tuhan berbicara melalui hamba-hamba-Nya, kita dapat memahami, menjadi teguh, dan berasa girang bersama.<sup>6</sup>

Saya bersaksi bahawa “dengan melakukan hal-hal ini, pintu neraka tidak akan mengatasi [kita]; ya, dan Tuhan Raja akan menyebarkan kuasa-kuasa kegelapan dari sebelum [kita], dan menyebabkan langit bergoncang untuk kebaikan kita, dan kemuliaan nama-Nya.”<sup>7</sup>

#### NOTA

1. Lihat Kejadian 1:28.
2. Amos 3:7.
3. Ajaran dan Perjanjian 21:5.
4. Ajaran dan Perjanjian 1:38.
5. “Aku Anak Tuhan,” *Lagu Rohani*, no. 2; *Buku Nyanyian Anak-Anak*, 2–3.
6. Lihat Ajaran dan Perjanjian 50:21–22.
7. Ajaran dan Perjanjian 21:6.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Semasa persidangan umum, kita boleh menerima jawapan peribadi kepada soalan dan masalah kita apabila kita mendengar hamba-hamba Tuhan yang dipanggil. Pertimbangkan untuk berbincang perkara berikut dengan orang yang anda ajar: Bagaimana anda dapat bersedia untuk menerima jawapan tersebut semasa persidangan umum? Presiden Uchtdorf menggalakkan kita untuk “mencari Roh kebenaran dengan tekun.” Bagi anda, apakah maksud itu, dan bagaimanakah anda boleh memasukkannya ke dalam persediaan anda? Selain berkat yang disebutkan di dalam Ajaran dan Perjanjian 21:6, apa berkat lain yang datang ketika anda bersedia untuk mendengar kata-kata Tuhan melalui hamba-hamba-Nya? Anda boleh menjemput orang yang anda ajar menulis dalam jurnal apa yang diajar oleh Roh di dalam persidangan umum ini.

## REMAJA

### Bersedia untuk Mendengar Suara Tuhan

Presiden Uchtdorf menerangkan bagaimana perkara pertama yang Tuhan lakukan selepas mencipta lelaki dan wanita adalah bercakap dengan mereka dan memberi mereka maklumat dan arahan berharga. Kita mendapat berkat yang sama pada bulan April dan Oktober semasa persidangan umum, apabila pemimpin Gereja berbicara kepada kita dan memberikan kita nasihat yang Tuhan mahu kita dengar.

Pernahkah anda mendengar suara Tuhan melalui hamba-hamba-Nya semasa persidangan umum? Pernahkah anda merasakan seperti satu pesanan tertentu memberi anda jawapan yang anda sedang cari? Dalam jurnal, anda boleh menulis pengalaman itu dan bagaimana ia membantu anda. Kemudian bersedia untuk mendengar suara Tuhan dalam persidangan yang akan datang ini dengan menulis soalan-soalan yang anda miliki dan belajar tentangnya semasa kajian tulisan suci anda. Berdoalah kepada Bapa Surgawi, meminta untuk menerima jawapan dan pandangan semasa persidangan. Semasa anda mendengarkan hamba-hamba Tuhan, beri tumpuan kepada galakkan-galakkan individu. Apa yang anda pelajari? Bagaimana anda rasa diilhamkan untuk berubah? Tuliskan galakan-galakan tersebut kerana itu ialah Roh yang bercakap dengan anda!

Sentiasa ingat bahawa Bapa Surgawi mengasihi anda dan akan membimbing anda ke arah yang betul. Apabila anda berusaha untuk mendengar suara-Nya melalui hamba-hamba-Nya, anda akan diberkati dan diteguhkan.

## KANAK-KANAK

### Bersiap Sedia untuk Persidangan!

Tulis galakkan ini pada sekeping kertas. Simpan kertas dengan anda semasa persidangan supaya anda boleh menulis apa yang anda pelajari.

Tulis soalan anda. Saya tertanya-tanya tentang . . .

Berdoa kepada Bapa Surgawi. Saya memerlukan bantuan untuk belajar tentang . . .

Dengar persidangan umum. Saya pelajari . . .



Iman, Keluarga,  
Pertolongan

# Berdoa untuk Setiap Saudari mengikut Nama

*Kasih dan ilham kita mengenai orang-orang yang kita berkunjung untuk ajar akan meningkat apabila kita dengan rendah hati berdoa untuk setiap saudari secara khusus mengikut nama.*

Tulisan suci berkongsi banyak contoh lelaki dan wanita yang berdoa untuk orang lain mengikut nama. Antara yang paling dramatik ialah bapa kepada Alma yang Muda. Seorang malaikat bercakap kepada Alma yang Muda, memberitahunya bahawa bapanya “telah berdoa dengan banyak iman berke-naan engkau . . . ; oleh kerana itu, untuk tujuan ini aku telah datang untuk meyakinkan engkau tentang kuasa dan wewenang Tuhan, agar doa-doa para hamba-Nya boleh disempurnakan menurut iman mereka.” (Mosia 27:14).

Berdoa untuk satu sama lain membuka hati kita untuk menerima berkat-berkat yang Tuhan ingin berikan kepada kita. “Tujuan doa bukan untuk mengubah kehendak Tuhan, tetapi untuk memperoleh bagi diri kita sendiri dan orang lain berkat yang Tuhan sudah bersedia untuk beri, tetapi kita harus meminta untuk mendapatkannya.”<sup>1</sup>

Seorang saudari menceritakan bahawa dalam tempoh yang sukar dalam hidupnya, panggilan telefon atau sms ringkas sering datang dari pengajar berkunjungnya pada “hari-hari yang sangat gelap.” Mereka seolah-olah tahu bila dia memerlukan galakkan. Dia tahu bahawa mereka berdoa untuknya, semasa kunjungan mereka dan semasa mereka sendirian.

“Fikirkan gabungan kekuatan kita jika setiap saudari berdoa dengan ikhlas setiap pagi dan malam atau, lebih baik lagi, berdoa tanpa henti seperti yang diperintahkan oleh Tuhan,” kata Julie B. Beck, bekas Presiden Lembaga Pertolongan Umum.<sup>2</sup> Berdoa bagi mereka yang kita mengunjungi untuk ajar menguatkan kita sebagai individu dan sebagai wanita Orang Suci Zaman Akhir.

Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presiden-si Utama, berkata: “berdoa untuk ketahui isi hati. . . . Kamu perlu tahu

apa Tuhan inginkan kamu lakukan untuk membantu mereka dan melakukan semua sebaik mungkin dengan hanya perasaan kasih sayang Tuhan terhadap mereka.”<sup>3</sup>

#### NOTA

1. Guide to the Scriptures, “Prayer.”
2. Julie B. Beck, “What Latter-day Saint Women Do Best: Stand Strong and Immoveable,” *Liahona*, Nov. 2007, 110.
3. Henry B. Eyring, “Imamat dan Doa Peribadi,” *Liahona*, Mei 2015, 85.

#### ***Pertimbangkan Ini***

Apakah ilham dan idea baru-baru ini yang datang kepada anda ketika anda berdoa untuk setiap saudari yang anda mengunjungi untuk ajar?

#### ***Melayani***

Dengan berdoa untuk setiap saudari mengikut nama, kita akan menerima ilham peribadi untuk mengetahui bagaimana untuk bertindak balas kepada keperluan setiap saudari yang kita kunjungi.